

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 01 JULAI 2014 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Inovasi padi bukit	Harian Metro
2	Makanan yang diradiasi selamat untuk dimakan – Agensi Nuklear Malaysia	Bernama.com
3	Kita sudah sedia	Harian Metro
4	Bekalan makanan dijamin cukup	Kosmo
5	Langkah bersepadu hadapi El Nino : TPM	Sinar Harian
6	“Govt geared for El Nino”	New Straits Times
7	The heat will go on for another three months, says dept	The Star
8	Milder El Nino but Govt leaving nothing to chance	The Star
9	Govt preparing for El Nino	The Sun
10	Kerajaan bincang persediaan jaminan bekalan makanan Negara mencukupi berikutan El-Nino	Bernama.com
11	Inovasi kit halal UPM sejak 2010	Sinar Harian
12	Felda wellness plans IPO	The Star

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (AGRO) : MUKA SURAT V1
TARIKH : 1 JULAI 2014 (SELASA)

Harian Metro

SELASA, 1 JULAI 2014

Variasi

Agro



Hampas tebu bernilai

Bantu lambatkan pengerasan simen »4



Resipi warisan

Ikan pekasam ubah hidup Md Isa »5



Inovasi padi bukit



MARDI membantu penanam padi bukit di Kampung Gahat, Tebedu, Serian Sarawak meningkatkan pendapatan mereka »2&3

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (AGRO) : MUKA SURAT V2
TARIKH : 1 JULAI 2014 (SELASA)**



FOKUS

Oleh Mohd Sabran Md Sani
sab@mediaprima.com.my

Kampung Gahat, Tebedu, Serian Sarawak agak asing bagi penulis, namun tidak bagi Dr Sariam Othman.

Walaupun jauh di pedalaman, semangatnya membantu membangunkan taraf sosioekonomi penduduk setempat harus dibanggakan.

Bijak mengatur bicara antara bakat semula jadi Pengarah Pusat Perkhidmatan Teknikal, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) itu dalam membujuk golongan sasar.

Tidak hairanlah jika ada menganggapnya 'pakar padi' kerana berjaya meningkatkan hasil padi bukit sekali ganda.

Duduk bersempang di rumah petani, Bonnie Mbuh Udal memberi pengalaman baru kepada penulis.

Di kampung itu, majoriti penduduknya etnik Bidayuh dan banyak pengalaman baru cuba direka terutama aktiviti pertanian pada padi bukit.

Selaku ketua petani,

PROJEK peningkatan hasil padi bukit yang berjaya dilaksanakan MARDI di Kampung Gahat, Tebedu, Serian.

MOSTI sedia dana RM1.3 juta


Majukan kira-kira 60,000 hektar kawasan penanaman padi bukit membabitkan 80,000 petani di Sarawak



DR Sariam



PETANI sedang memungut hasil padi di kawasan berbukit.



PENINGKATAN hasil padi bukit yang ketara.



KAEDAH menugal secara tradisional oleh golongan lelaki

Bonnie mengakui usaha menanam padi bukit bukan mudah kerana perlu melalui banyak proses termasuk menabur benih sehingga menuai.

Kaedah tanaman padi bukit dilakukan secara berpindah-randah dan kaedah penyediaan kawasan juga agak mencabar kerana perlu menebang pokok besar di kawasan bukit sebelum membakarnya.

Tempoh matang padi bukit yang panjang kira-kira 150 hari bagi setiap musim antara cabaran utama.

Menanam padi bukit atau padi huma tidak se-

mudah mengusahakan padi sawah kerana padi bukit bergantung sepenuhnya kepada air hujan.

Uniknya, untuk menanam padi bukit, penduduk masih mengamalkan konsep gotong royong seperti kerja menugal (mengorek lubang) dilakukan seluruhnya.

Kini, terdapat kira-kira 60,000 hektar kawasan penanaman padi bukit membabitkan 80,000 petani di Sarawak.

Dr Sariam berkata, projek peningkatan hasil padi bukit di Sarawak dilaksanakan menerusi dana

RM1.3 juta melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Projek ini bermula pada 1 September 2009 dan MARDI diminta mengkaji dan mengenal pasti kaedah meningkatkan pengeluaran padi bukit di Sarawak.

"Kami memilih Kampung Gahat sebagai lokasi kajian membabitkan penyertaan 27 petani di kawasan seluas 15 hektar," katanya.

Pada awal pembabitan, katanya, seramai 250 responden di Serian terbabit dalam proses bancian.

"Daripada bancian itu, purata hasil padi bukit di Serian sekitar 700 kg/ha/musim," katanya.

Antara usaha MARDI ialah memperkenalkan teknologi dan melakukan penambahbaikan kaedah pengurusan tanaman sedia ada.

MARDI turut melaksanakan amalan pembajaan tanaman padi bukit. Kesannya, hasil meningkat dari musim ke musim hingga menampakkan perubahan ketara menjangkau 100 peratus peningkatan hasil.

Musim pertama kajian (2009/2010) sudah menampakkan kejayaan. Ha-

